

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(IV)1**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN  
YB. KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

1. Adakah Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Kerajaan Negeri mempunyai cadangan untuk membina pasar di kawasan Sungai Dua untuk menempatkan penjaja-penjaja tanpa lesen di kawasan tersebut?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

1. Kerajaan Negeri menyambut baik aktiviti perniagaan yang dijalankan oleh para peniaga dan penjaja dalam usaha meningkatkan taraf ekonomi masing-masing. Bagi tujuan itu, Kerajaan Negeri telah menyediakan pelbagai inisiatif dan platform bagi para peniaga dan penjaja untuk menjalankan aktiviti mereka secara sah. Walaupun terdapat banyak usaha untuk membantu para peniaga dan penjaja ini, namun masih ramai yang melanggar peraturan yang ditetapkan.

Kerajaan Negeri telah membina banyak pasar dan ruang perniagaan untuk para penjaja memanfaatkannya dalam mencari punca pendapatan. Di kawasan Sungai Dua telah terdapat kemudahan pasar terdekat iaitu di Pasar Taman Tun Sardon dan Pasar Jalan Permai untuk kemudahan para penjaja dan orang awam. Bagi penjaja-penjaja tanpa lesen di KADUN Batu Uban pula, Pasar Jalan Permai dan Pasar Bayan Baru telah ditawarkan kepada mereka sebagai penempatan baru untuk bermiaga. Melalui penyediaan kemudahan pasar dan ruang perniagaan yang lengkap dan memenuhi keperluan penduduk setempat, Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk membina sebarang pasar baru di kawasan Sungai Dua dalam tempoh masa terdekat.